

Media Title

: Harian Metro

Headline

: RM91,400 lesap ditipu ‘polis ‘pegawai insurans’

Date

: 5 April 2023

Section

: Lokal

Page

: 7



RM91,400 lesap ditipu ‘polis’, ‘pegawai insurans’

Kuantan: Guru wanita lingkungan 50-an kerugian RM91,400 selepas terpedaya sindiket *Phone Scam* yang menyamar sebagai pegawai polis, timbalan pendakwa raya dan pegawai insurans.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, berdasarkan laporan, mangsa berusia 51 tahun menerima panggilan telefon daripada ejen insurans pada 24 Februari lalu

Katanya, mangsa dimaklumkan membuat tuntutan insurans di Ampang Puteri sebanyak RM68,000.

“Walaupun mangsa menafikannya, suspek me-

nyambungkan panggilan kepada pegawai polis sebelum disambungkan pula kepada Timbalan Pendakwa Raya.

“Mangsa yang terpedaya mengikut segala arahan menukar kad bank baha-

ru serta mengemas kini nombor kod pengesahan transaksi (TAC).

“RM91,400 itu adalah dari pada akaun Tabung Haji, pinjaman Aeon Kredit dan wang hasil memajak gadai barang kemasnya.

“Semua wang yang dimasukkan ke dalam akaun bank dikeluarkan suspek dalam tempoh sebulan,” katanya.

“**Mangsa yang terpedaya mengikut segala arahan**
Ramli